

10

KESIMPULAN

Keseluruhan perbincangan dalam buku ini secara langsung tentang kepimpinan politik di Malaysia dengan tumpuan khusus kepada wakil rakyat. Hujah utama dalam kajian ini adalah penilaian peranan wakil rakyat sebagai pemimpin politik yang telah dipilih melalui pilihan raya dan bertanggungjawab secara langsung kepada rakyat dan kawasan yang diwakilinya. Berkaitan hal ini, pemahaman rakyat sangat mudah, sebarang masalah dan isu yang mereka hadapi adalah tanggungjawab wakil rakyat untuk menyelesaikannya. Pemahaman sebegini sudah ditradisikan sejak sekian lama. Apabila hal ini berlaku, kesannya sukar bagi rakyat untuk membezakan antara peranan primer (khususnya peranan hakiki dan formal) dengan peranan sekunder (peranan pelengkap) yang dipikul oleh wakil rakyat. Atas alasan itu, rakyat tanpa ragu-ragu terus merujuk setiap masalah, musibah dan isu yang dihadapi kepada wakil rakyat sebagai pemimpin mereka.

Pemahaman di atas telah menjadi 'tradisi' sejak sekian lama dalam sistem sosio-politik di Malaysia. Jadi, perlu ada suatu mekanisme untuk menjelaskan kedudukan (peranan dan tanggungjawab) wakil rakyat dalam sistem politik Malaysia. Semua pihak khususnya kerajaan perlu berfungsi secara berkesan ke arah tersebut supaya tanggungjawab wakil rakyat dapat difahami dengan tepat. Jika tidak, ia boleh menimbulkan kekeliruan atau salah faham secara berterusan kerana masing-masing mempunyai persepsi tersendiri dalam menilai kedudukan kepimpinan politik ini dalam sistem politik Malaysia. Jadi, tidak adil rakyat disalahkan jika mereka memerlukan khidmat wakil rakyat tanpa mengira masa dan keadaan kerana itulah perspektif mereka

terhadap perkara ini. Justeru, perlu ada usaha secara ilmiah dilakukan untuk menjelaskan secara tepat dan terperinci peranan wakil rakyat di Malaysia.

Apabila peranan dan tanggungjawab wakil rakyat dapat difahami dengan tepat, tidak timbul persepsi negatif terhadap wakil rakyat jika ada isu dan masalah dalam masyarakat tidak dapat diselesaikan. Hal tersebut bukan tanggungjawab wakil rakyat kerana telah ada pihak berwajib yang diamanahkan atau dipertanggungjawab untuk menguruskannya. Ini bukanlah bermakna wakil rakyat boleh 'lepas tangan' terhadap masalah rakyat kerana ia ada kaitan dengan tanggungjawab konstituensi yang perlu dilaksanakannya. Justeru, dalam penyampaian perkhidmatan, wakil rakyat perlu memastikan ia dilaksanakan secara berkesan demi kepentingan rakyat dalam kawasan diwakilinya. Ini adalah tujuan kajian ini dijalankan sebagai mekanisme untuk menjelaskan peranan dan tanggungjawab wakil rakyat secara tepat dan terperinci.

Seperti telah disebutkan dalam bab awal buku ini, permasalahan kepimpinan politik melibatkan hubungan antara pemimpin (wakil rakyat) dengan rakyat yang dipimpin. Dalam sistem demokrasi berperwakilan, perlu ada persefahaman dalam hubungan kedua-dua pihak khususnya ketika pilihan raya. Hubungan ini membentuk sistem naungan dalam politik Malaysia, di mana wujudnya elemen 'memberi dan menerima' kerana masing-masing mempunyai kepentingan. Pemimpin memerlukan undi dan sokongan rakyat. Rakyat pula memerlukan bantuan, sokongan, dorongan dan dasar-dasar yang boleh memberi manfaat kepada mereka. Jadi, hubungan antara '*patron*' (wakil rakyat) dan '*clients*' (rakyat) dalam sistem naungan memerlukan sokongan dan kepimpinan yang mempunyai akauntabiliti. Perkara ini dipersetujui oleh Newton (2006) yang menyifatkan rakyat berperakui dan menyokong kepimpinan yang bersifat akauntabiliti dan mempunyai prestasi yang baik serta dapat memelihara keadilan di pihak rakyat. Menurut Newton, hal ini sangat mempengaruhi sokongan politik (*political support*) rakyat kepada wakil rakyat.